



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 276

AKTA BANK ISLAM 1983

RECEIPT

ution

Date:

Investment
amount MS

.....is hereby
y institution to the

.....
*Authorised signatory
depository institution*

Tarikh Persetujuan Diraja 9hb Mac 1983

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 10hb Mac 1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 276****AKTA BANK ISLAM 1983****SUSUNAN SEKSYEN****BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II
PELESENAN BANK ISLAM**

3. Perniagaan bank Islam diuruskan hanya oleh sesuatu bank Islam berlesen.
4. Menteri boleh mengubah atau membatalkan syarat lesen.
5. Lesen tidak boleh diberi dalam hal-hal tertentu.
6. Bank-bank yang dipunyai oleh negara asing.
7. Pembukaan cawangan-cawangan baru.
8. Bank Islam boleh mengadakan pertalian bank koresponden dengan bank di luar Malaysia.
9. Fee lesen.
10. Sekatan terhadap penggunaan beberapa perkataan dalam nama bank Islam.
11. Pembatalan lesen.
12. Kesan-kesan pembatalan lesen.
13. Penyiaran senarai bank Islam.

**BAHAGIAN III
KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN
KEWAJIPAN-KEWAJIPAN BANK ISLAM**

14. Penyenggaraan wang modal.
15. Penyenggaraan wang rizab.

b Mac 1983

1b Mac 1983

Seksyen

16. Peratusan aset-aset cair.
17. Juruaudit dan laporan juruaudit.
18. Kunci kira-kira yang diaudit.
19. Perangkaan hendaklah diberi.
20. Maklumat mengenai cawangan-cawangan di negara asing.

BAHAGIAN IV

PEMUNYAAN, PENGAWALAN DAN
PENGURUSAN BANK ISLAM

21. Maklumat mengenai perubahan kawalan bank Islam.
22. Sanksi dikehendaki untuk membina semula, dsb., bank.
23. Hilang kelayakan pengarah-pengarah dan pekerja-pekerja bank.

BAHAGIAN V

SEKATAN MENGENAI PERNIAGAAN

24. Sekatan mengenai pembayaran dividen dan pemberian pendahuluan dan pinjaman.
25. Larangan mengenai pemberian pinjaman, dsb. kepada pengarah, pegawai dan pekerja.
26. Sekatan mengenai pemberian pinjaman, pendahuluan atau kemudahan kredit di bawah seksyen 25 (4).
27. Sekatan kredit kepada seorang pelanggan.
28. Penzahiran kepentingan oleh pengarah-pengarah.
29. Penghadan mengenai kemudahan kredit bagi maksud membiayai pembelian atau pemegangan syer.
30. Bukti mengenai pematuhan seksyen 24, 25, 26, 27 dan 29.

BAHAGIAN VI

KUASA PENGAWASAN DAN PENGAWALAN
KE ATAS BANK-BANK ISLAM

31. Penyiasatan mengenai bank-bank.
32. Penyiasatan khas mengenai bank-bank.
33. Mengemukakan buku-buku dan dokumen-dokumen bank.
34. Kerahsiaan bank.

Seksyen

35. Tindakan yang hendak diambil jika pendahuluan-pendahuluan adalah bertentangan dengan kepentingan pendeposit-pendeposit.
36. Bank-bank yang tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya hendaklah memberitahu Bank Negara.
37. Tindakan oleh Bank Negara jika bank tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau menjalankan perniagaan secara yang mudarat kepada pendeposit-pendeposit.
38. Akibat pemecatan jawatan pengarah atau perlantikan seseorang pengarah sesuatu bank oleh Bank Negara.
39. Pengawasan bank Islam oleh Bank Negara.
40. Bank Islam di bawah kawalan Bank Negara hendaklah bekerjasama dengan Bank Negara.
41. Perluasan bidang kuasa kepada subsidiari-subsidiari bank.
42. Moratorium.
43. Pindaan bagi perlembagaan bank.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

44. Indemniti.
45. Keutamaan bagi liabiliti semasa dan liabiliti akaun simpanan.
46. Penalti terhadap pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus.
47. Kesalahan-kesalahan oleh pengarah, pekerja dan ejen.
48. Kesalahan-kesalahan oleh syarikat-syarikat dsb., dan oleh pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejen.
49. Kakitangan dilarang menerima komisen.
50. Penalti am.
51. Kuasa Gabenor untuk mengkompaun.
52. Persetujuan Pendakwa Raya.
53. Peraturan-peraturan.
54. Hari kelepasan bank.
55. Pemakaian undang-undang lain.
56. Pengecualian.

ngan di negara asing.

DAN
M
ulan bank Islam.
emula, dsb., bank.
dan pekerja-pekerja

IAAN
len dan pemberian

man, dsb. kepada

, pendahuluan atau
(4).

in.
pengarah.

edit bagi maksud
syer.

25, 26, 27 dan 29.

VALAN

n-dokumen bank.

Seksyen

57. Pindaan bagi Akta Bank 1973.
58. Pindaan bagi Akta Syarikat 1965.
59. Pindaan bagi Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.
60. Pindaan bagi Akta Syarikat Kewangan 1969.

AMM- AK 60
Act 3:
AA 114
AA 12
AA 13
AA 13

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 276

AKTA BANK ISLAM 1983

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalan perniagaan bank Islam.

[7th. April, 1983] Pu (B) 182

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Islam 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian. Pu (B) 182

(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

2. Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“bank Islam” ertinya sesuatu syarikat yang menjalankan perniagaan bank Islam dan memegang sesuatu lesen yang sah; dan semua pejabat dan cawangan bank itu di Malaysia hendaklah disifatkan sebagai satu bank;

“Bank Negara” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan oleh Ordinan Bank Negara Malaysia 1958;

61/58.

“cawangan” berhubungan dengan sesuatu bank Islam termasuklah sesuatu cawangan bergerak bagi bank itu dan sesuatu cawangan yang ditubuhkan dan disenggarakan bagi sesuatu tempoh terhad sahaja;

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberi di bawah seksyen 3;

ins. 1983 ins. 1987

“pejabat”

ins. 1987

ANGKIT

gara Malaysia 1958.
ngan 1969.

“liabiliti akaun pelaburan” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya liabiliti deposit di bank itu berkenaan dengan wang yang diletakkan oleh seseorang pendeposit di bank itu selama tempoh masa tetap di bawah suatu perjanjian untuk berkongsi keuntungan dan kerugian bank itu di atas pelaburan apa-apa wang itu;

“liabiliti akaun simpanan” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya jumlah deposit di bank itu yang biasanya menghendaki penyerahan buku simpanan atau apa-apa dokumen lain sebagai ganti buku simpanan sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara bagi mendeposit atau mengeluarkan wang;

“liabiliti bermasa” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya jumlah deposit di bank itu yang kena dibayar lain daripada apabila diminta, tetapi tidak termasuk liabiliti akaun simpanan atau deposit mana-mana bank Islam lain, mana-mana bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 atau Bank Negara;

Akta 102.

“liabiliti deposit lain” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya liabiliti deposit di bank itu lain daripada akaun simpanan, akaun pelaburan, liabiliti semasa dan bermasa dan liabiliti deposit dari mana-mana bank Islam lain, mana-mana bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 atau Bank Negara;

ditawar

Akta 102.

“liabiliti semasa” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya jumlah deposit di bank itu yang kena dibayar apabila diminta, tetapi tidak termasuk liabiliti akaun simpanan atau deposit mana-mana bank Islam lain, mana-mana bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 atau Bank Negara;

Akta 102.

“pendeposit” ertinya seseorang yang mempunyai sesuatu akaun di bank Islam, sama ada akaun itu adalah suatu akaun semasa, suatu akaun simpanan, suatu akaun pelaburan atau sesuatu akaun deposit lain;

“perbadanan” mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

“perniagaan bank Islam” ertinya perniagaan bank yang tujuan dan pengendaliannya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam;

“perniagaan perbankan Islam antarabangsa”

ins. 1307

“subsidiari” mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 5 Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

“syarikat” mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

“syarikat awam” mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

“syer” ertinya syer dalam modal syer bagi sesuatu perbadanan dan termasuklah stok, kecuali jika sesuatu perbezaan antara stok dan syer adalah dinyatakan atau difahamkan.

BAHAGIAN II

PELESENAN BANK ISLAM

3. (1) Perniagaan bank Islam tidak boleh diuruskan di Malaysia melainkan oleh sesuatu syarikat yang memiliki suatu lesen secara bertulis daripada Menteri yang membenarkannya berbuat demikian.

Perniagaan bank Islam diuruskan hanya oleh sesuatu bank Islam berlesen.

(2) Sesuatu syarikat yang berkehendakkan kuasa untuk menjalankan perniagaan bank Islam di Malaysia hendaklah memohon secara bertulis kepada Menteri melalui Bank Negara bagi suatu lesen di bawah seksyen ini dan hendaklah mengemukakan—

(a) suatu salinan memorandum persatuan dan artikel persatuan atau suratcara lain yang di bawahnya syarikat itu diperbadankan, diverifikasikan dengan sewajarnya melalui akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pegawai kanan syarikat; dan

(b) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang diminta oleh Menteri.

(3) Apabila menerima sesuatu permohonan di bawah subseksyen (2) Bank Negara hendaklah menimbang permohonan itu dan membuat syor kepada Menteri menyatakan sama ada suatu lesen patut diberi atau tidak, dan syarat-syarat, jika ada, yang akan dikenakan kepada lesen itu.

(4) Apabila menerima sesuatu permohonan di bawah subseksyen (2) dan syor Bank Negara di bawah subseksyen (3), Menteri boleh, tertakluk kepada seksyen 4, memberi suatu lesen, dengan syarat atau tanpa syarat, atau enggan memberi suatu lesen.

(5) Bank Negara tidak boleh mengesyorkan pemberian lesen, dan Menteri tidak boleh memberi suatu lesen, melainkan Bank Negara atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan, berpuas hati—

(a) bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan bank yang dia berhasrat menjalankan itu tidak akan melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam; dan

(b) bahawa ada terdapat, dalam artikel persatuan bank yang berkenaan, peruntukan bagi penebusan suatu badan penasihat ~~Syariah~~ untuk menasihatkan bank mengenai pengendalian perniagaan banknya untuk menjamin ianya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam.

L Syariah,
sebagaimana
yang diluluskan
oleh Bank Negara
No 1214/03

ins. 111225 ->

(6) Seseorang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Menteri
boleh
mengubah
atau mem-
batalkan
syarat lesen.

4. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa, atas syor Bank Negara, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang sedia ada bagi sesuatu lesen atau mengenaikan syarat-syarat atau syarat-syarat tambahan.

(2) Menteri hendaklah, sebelum mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1), memberitahu secara bertulis tujuannya hendak mengambil tindakan itu kepada bank Islam yang berkenaan dan hendaklah memberi bank itu suatu peluang untuk mengemukakan dalam suatu tempoh, tidak kurang daripada empat belas hari, sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sebab-sebab mengapa syarat lesen itu tidak patut diubah atau dibatalkan atau syarat atau syarat tambahan itu tidak patut dikenakan.

(3) Jika sesuatu lesen adalah tertakluk kepada syarat-syarat, bank Islam itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

(4) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesennya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

5. (1) Tiada sesuatu syarikat boleh diberi sesuatu lesen di bawah seksyen 3 dan juga tiada sesuatu syarikat yang diberi lesen di bawah seksyen itu boleh menjalankan perniagaan di Malaysia tanpa kebenaran bertulis Menteri jika wang modalnya yang tidak tercatat oleh kerugian atau lain-lain adalah kurang daripada amaun minimum.

Lesen tidak boleh diberi dalam hal-hal tertentu.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

“amaun minimum” ertinya apa-apa amaun wang modal yang disenggarakan oleh bank Islam sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Bank Negara melalui pemberitahuan dalam *Warta*;

* Sila Lihat (K) 469/83

“wang modal” ertinya modal yang telah dibayar dan rizab dan apa-apa sumber modal lain sebagaimana ditakrifkan dan dikira mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dengan notis secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara.

(3) Penentuan amaun minimum yang disenggarakan di bawah subseksyen (2) hendaklah dipatuhi dalam tempoh tangguhan yang sama iaitu tidak kurang daripada tiga bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

6. (1) Tiada sesuatu syarikat boleh diberi atau boleh memegang lesen jika Menteri berpuas hati bahawa ia adalah atau telah menjadi syarikat yang dipunyai atau dikawal oleh negara asing.

Bank-bank yang dipunyai oleh negara asing.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, sesuatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai dipunyai atau dikawal oleh negara asing jika lima puluh peratus atau lebih daripada modalnya yang dikeluarkan dan dibayar adalah dipunyai oleh atau bagi pihak orang-orang yang bukan warganegara Malaysia, atau jika bilangan terbesar orang-orang yang berkuasa mengarah, mengawal atau mengurus syarikat itu bukan warganegara Malaysia.

2/11/12/103

7. Kecuali dengan persetujuan secara bertulis dari Bank Negara, tiada sesuatu bank Islam boleh membuka sesuatu cawangan, ejensi atau pejabat baru di mana-mana bahagian Malaysia atau luar Malaysia.

Pembukaan cawangan-cawangan baru.

Bank Islam boleh mengadakan pertalian bank koresponden dengan bank di luar Malaysia.

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap bank Islam boleh mengadakan pertalian bank koresponden dengan mana-mana bank di luar Malaysia.

(2) Bank Negara boleh menetapkan dengan notis secara bertulis bahawa tiada sesuatu bank Islam boleh mengadakan, kecuali dengan persetujuan Menteri atas syor Bank Negara, pertalian bank koresponden dengan mana-mana bank yang ditubuhkan di mana-mana negara yang dinyatakan dalam pemberitahuan atau dengan mana-mana bank yang dipunyai atau dikawal oleh Kerajaan atau ejensi Kerajaan bagi mana-mana negara itu.

Fee lesen.

9. Tiap-tiap bank Islam hendaklah membayar kepada Bank Negara fee lesen tahunan yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Sekatan terhadap penggunaan beberapa perkataan dalam nama bank Islam.

10. Kecuali dengan persetujuan secara bertulis Menteri, tiada sesuatu bank Islam boleh diberi lesen atas suatu nama yang termasuk mana-mana daripada perkataan "Kebangsaan", "Komanwel", "Malaysia", "Malaysia" sebagai kata sifat, "Negara", "Negeri", "Persekutuan", "Persekutuan" sebagai kata sifat atau "Rizab" sama ada dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris atau dalam apa-apa bahasa lain.

Pembatalan lesen.

11. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika sesuatu bank Islam—

- (a) menuju matlamat, atau menjalankan pengendalian, yang melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam;
- (b) menjalankan perniagaannya dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit-pendeposit dan pemiutang-pemiutang lain;
- (c) mempunyai aset-aset yang tidak mencukupi untuk meliputi liabilitinya kepada awam;
- (d) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (e) telah terhenti menjalankan perniagaan bank di Malaysia, atau

del. 11/1/55

ins. 11/1/55

Menteri boleh, atas syor Bank Negara, membatalkan mana-mana lesen yang telah dikeluarkan kepada bank itu.

2), tiap-tiap bank bank koresponden Malaysia.

an dengan notis bank Islam boleh an Menteri atas esponden dengan di mana-mana beritahuan atau vai atau dikawal bagi mana-mana

mbayar kepada ditetapkan oleh i pemberitahuan

ertulis Menteri, lesen atas suatu pada perkataan "a", "Malaysia" "Persekutuan", "Rizab" sama bahasa Inggeris

2), jika sesuatu

ankan pengen- a elemen yang lam;

gan cara yang endeposit-pen- g lain;

ik mencukupi la awam;

kan Akta ini;

stitusi anggota surans Deposit

... ..

(2) Menteri hendaklah, sebelum pembatalan itu, memberitahu tujuannya hendak mengambil tindakan itu kepada bank Islam yang berkenaan dan hendaklah memberi bank itu suatu peluang untuk mengemukakan dalam suatu tempoh, tidak kurang daripada dua puluh satu hari, sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sebab-sebab mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika lesen sesuatu bank Islam telah dibatalkan di bawah subseksyen (1), bank itu boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari pembatalan itu merayu terhadap pembatalan itu kepada Mahkamah Tinggi, yang boleh membuat apa-apa perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut, termasuk apa-apa arahan tentang kos rayuan itu.

(4) Bank Negara adalah berhak untuk didengari atas sesuatu rayuan itu.

(5) Membuat sesuatu rayuan di bawah seksyen ini tidak boleh dengan apa-apa cara menyentuh perjalanan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Bank Negara di bawah seksyen 37, 39 dan 40.

12. (1) Jika sesuatu perintah pembatalan berkuatkuasa di bawah seksyen 11—

(a) notis pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*; dan

(b) bank Islam itu hendaklah mulai dari tarikh notis itu berhenti daripada menguruskan apa-apa perniagaan bank di Malaysia kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri atas syor Bank Negara bagi maksud-maksud menggulung perniagaan banknya.

(2) Peruntukan-peruntukan paragraf (b) subseksyen (1) tidak boleh menyentuh penguatkuasaan oleh seseorang akan sesuatu hak atau tuntutan terhadap bank atau oleh bank akan sesuatu hak atau tuntutan terhadap seseorang.

Kesan-kesan pembatalan lesen.

Penyiaran
senarai
bank Islam.

13. Bank Negara hendaklah memastikan supaya disiarkan dalam *Warta* pada tiap-tiap tahun suatu senarai bagi semua bank Islam yang telah dikeluarkan lesen-lesen kepadanya di bawah Akta ini, dan jika sesuatu lesen dikeluarkan, dibatalkan atau diserahkan balik dalam lat tempoh antara penyiaran dua senarai itu, notis mengenainya hendaklah juga dipastikan supaya disiarkan dalam *Warta*.

ins. by
AA1214/03

BAHAGIAN III

KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN BANK ISLAM

Penyeng-
garaan
wang
modal.

14. (1) Bank Negara boleh menghendaki sesuatu bank Islam supaya menyenggarakan wang modal, yang tidak tercatat oleh kerugian atau lain-lain, mengikut sekian kadar bagi aset cawangan-cawangan dan pejabat-pejabatnya di Malaysia dan di luar Malaysia atau hanya bagi cawangan-cawangan dan pejabat-pejabatnya di Malaysia sahaja sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara dengan notis secara bertulis.

(2) "Wang modal" dalam subseksyen (1) hendaklah mempunyai erti yang diberi kepada ungkapan itu dalam subseksyen (2) seksyen 5 tetapi dengan apa-apa ubahsuaian yang dinyatakan dari semasa ke semasa bagi maksud subseksyen (1) oleh Bank Negara dengan notis secara bertulis.

Penyeng-
garaan
wang rizab.

15. (1) Tiap-tiap bank Islam—

(a) hendaklah menyenggarakan suatu kumpulan wang rizab; dan

(b) sebelum apa-apa dividen diisytiharkan hendaklah memindahkan kepada kumpulan wang rizab daripada keuntungan bersih tiap-tiap satu tahun, selepas peruntukan yang sepatutnya diadakan untuk zakat atau cukai—

(i) selagi amaun kumpulan wang rizab kurang daripada lima puluh peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang sama banyaknya dengan tidak kurang daripada lima puluh peratus daripada keuntungan bersih itu;

(ii) selagi amaun kumpulan wang rizab itu adalah lima puluh peratus tetapi kurang daripada seratus peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang sama banyaknya dengan tidak kurang daripada dua puluh lima peratus daripada keuntungan bersih itu.

(2) Jika Bank Negara berpuas hati bahawa agregat kumpulan wang rizab sesuatu bank Islam adalah mencukupi untuk perniagaannya, ia boleh dengan perintah secara bertulis mengecualikan bank itu daripada peruntukan-peruntukan subseksyen (1) bagi tempoh satu tahun.

16. (1) Bank Negara boleh dari semasa ke semasa menetapkan dengan notis secara bertulis kepada tiap-tiap bank Islam suatu amaun atau amaun-amaun minimum aset-aset cair yang hendak dipegang oleh bank itu pada setiap masa.

Peraturan
aset-aset
cair.

(2) Amaun atau amaun-amaun minimum aset yang sedemikian ditetapkan untuk dipegang hendaklah dinyatakan mengikut—

(a) suatu atau beberapa peratusan daripada liabiliti semasa, liabiliti akaun simpanan, liabiliti ber-masa dan liabiliti deposit lain bagi tiap-tiap bank Islam dan apa-apa liabilitinya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara, sama ada bersesama atau berasingan; dan

(b) suatu peratusan daripada apa-apa aset bagi akaun pelaburan tiap-tiap bank Islam;

dan apa-apa peratusan atau peratusan-peratusan itu boleh diubah oleh Bank Negara dari semasa ke semasa dengan notis secara bertulis kepada bank.

(3) Apabila Bank Negara mengeluarkan sesuatu notis di bawah subseksyen (1) tiap-tiap bank Islam hendaklah diberi sesuatu tempoh tangguhan yang sama, tidak kurang daripada satu minggu, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu untuk mematuhi peruntukan-peruntukannya.

(4) Sesuatu bank Islam tidak boleh, tanpa kelulusan Bank Negara, meminjamkan atau mendahulukan apa-apa wang kepada seseorang dalam tempoh bank itu tidak mematuhi sesuatu notis di bawah subseksyen (1).

Sub. AA BCS

L. Depositi
Islam
anliss

(5) Bagi maksud mengira amaun atau amaun-amaun aset cair di bawah seksyen ini dan ~~liabiliti semasa, liabiliti akaun simpanan, liabiliti akaun pelaburan, liabiliti bermasa dan liabiliti deposit lain~~ bagi sesuatu bank Islam yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan di tempat lain dan apa-apa liabiliti lain bank itu yang ditentukan oleh Bank Negara, pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan bank itu di Malaysia hendaklah disifatkan sebagai menjadi suatu bank berasingan yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini aset-aset cair ialah—

(a) wang kertas dan syiling yang sah diperlakukan di Malaysia;

(b) baki di Bank Negara, tidak termasuk rizab yang dinyatakan dalam paragraf (c) sub-seksyen (1) seksyen 37 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958;

61/58.

(c) sijil-sijil pelaburan yang dikeluarkan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1983; dan

Akta 275.

(d) apa-apa aset lain yang diluluskan oleh Menteri atas syor Bank Negara.

(7) Bank Negara boleh dengan notis secara bertulis menghendaki tiap-tiap bank Islam memberi apa-apa penyata atau penyata-penyata sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bank Negara untuk pelaksanaan seksyen ini.

(8) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi mana-mana daripada peruntukan seksyen ini boleh kena membayar, apabila diminta berbuat demikian oleh Bank Negara, suatu penalti sebanyak tidak lebih daripada satu persepuluh daripada satu peratus daripada amaun kekurangan bagi tiap-tiap hari kekurangan itu berterusan.

(9) Sesuatu bank Islam yang tidak atau enggan membayar sesuatu penalti di bawah subseksyen (8) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Juruaudit
dan laporan
juruaudit.
Akta 125.

17. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, tiap-tiap bank Islam hendaklah melantik pada tiap-tiap tahun seorang juruaudit yang diluluskan oleh Menteri.

(2) Menteri atas syor Bank Negara boleh melantik seorang juruaudit—

(a) jika bank Islam itu tidak melantik seorang juruaudit; atau

(b) jika difikirkannya perlu supaya seorang lagi juruaudit bertindak bersama dengan juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1),

dan boleh menetapkan saraan yang akan dibayar oleh bank Islam itu kepada juruaudit itu.

(3) Kewajipan-kewajipan juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) bagi bank Islam itu ialah—

(a) untuk menjalankan bagi tahun yang dia dilantik pengauditan akaun-akaun bank itu; dan

(b) membuat suatu laporan menurut seksyen 174 Akta Syarikat 1965 berkenaan dengan kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian tahunan bank itu. *Akta 125.*

(4) Laporan juruaudit yang tersebut dalam paragraf (b) subseksyen (3) hendaklah dibentangkan bersama dengan laporan pengarah-pengarah bank Islam itu di mesyuarat agung tahunan bank itu; dan suatu akuan berkanun yang dibuat oleh pegawai kanan bank itu yang bermaksud bahawa laporan itu telah sedemikian dibentangkan hendaklah menyertai dokumen-dokumen yang dihantarkan di bawah paragraf (c) subseksyen (1) seksyen 18.

(5) Tiada seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam sesuatu bank Islam lain daripada sebagai seorang pemegang syer, dan tiada seseorang pengarah atau pegawai bank itu layak dilantik sebagai juruaudit bagi bank itu; dan mana-mana orang yang dilantik sebagai juruaudit bagi sesuatu bank Islam yang selepas perlantikan itu memperolehi apa-apa kepentingan atau menjadi seorang pengarah atau seorang pegawai bank itu hendaklah serta-merta berhenti daripada menjadi juruaudit.

(6) Kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa dan liabiliti-liabiliti yang dikenakan dan diberi oleh seksyen 33 berhubung dengan sesuatu penyiasatan oleh Bank Negara mengenai hal-ehwal sesuatu bank Islam di

bawah seksyen 31 atau 32 adalah dengan ini dikenakan dan diberikan berhubungan dengan juruaudit-juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini.

(7) Mana-mana bank Islam yang tidak mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

Kunci kira-kira yang diaudit.

18. (1) Tiap-tiap bank Islam hendaklah—

(a) menunjukkan di suatu tempat yang mudah dilihat di tiap-tiap pejabat atau tempat perniagaan di Malaysia—

(i) satu salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang telah diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya, dan laporan juruaudit;

(ii) nama penuh semua pengarahnya; dan

(iii) nama semua subsidiari bagi bank itu pada masa itu;

(b) menyiarkan dalam masa empat belas hari selepas daripada dibentangkan akaunnya di mesyuarat agung tahunannya dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank Negara, satu salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang telah diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya, dan laporan juruaudit; dan

(c) dalam masa enam bulan selepas ditutup tiap-tiap satu tahun kewangan atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara, menghantar kepada Bank Negara—

(i) dua salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang telah diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya, dan laporan juruaudit dan pengarah-pengarah;

(ii) mengenai sesuatu bank Islam dengan mempunyai cawangan-cawangan di luar Malaysia, dua salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang telah diaudit akhir sekali berkenaan dengan pengendaliannya di Malaysia, dan dua salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang telah diaudit akhir sekali berkenaan dengan pengendaliannya dalam tiap-tiap satu negeri di luar Malaysia.

(2) Bentuk dan kandungan kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian, bersama dengan laporan pengarah, hendaklah sebagaimana diluluskan oleh Bank Negara.

(3) Bank Negara boleh menghendaki sesuatu bank Islam mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu sama ada dengan jalan penjelasan, penghuraian atau lain-lain berkenaan dengan kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian yang dihantar oleh bank itu di bawah paragraf (c) subseksyen (1) dan maklumat itu hendaklah dikemukakan dalam apa-apa tempoh dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank Negara.

(4) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

19. (1) Tiap-tiap bank Islam hendaklah menghantar kepada Bank Negara mengikut apa-apa bentuk sebagaimana ditetapkan oleh Bank Negara—

Perangkaan
hendaklah
diberi.

(a) suatu penyata yang menunjukkan liabiliti dan aset bagi pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan banknya di Malaysia pada penutupan perniagaan pada hari perniagaan akhir bagi tiap-tiap bulan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dengan notis secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara;

(b) suatu penyata memberi suatu analisis mengenai pinjaman-pinjaman, pendahuluan-pendahuluan

dan pelaburan-pelaburan bagi pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan banknya di Malaysia seperti pada apa-apa lat tempoh dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dengan notis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara;

(c) tidak lewat daripada enam bulan selepas ditutup tahun kewangannya, suatu penyata yang menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan berkenaan dengan perniagaannya di Malaysia;

(d) walau apa pun peruntukan subseksyen (3) seksyen 34, suatu penyata yang menunjukkan maklumat kredit pelanggan-pelanggannya sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud biro kredit yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 (1) (*mmm*) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 pada apa-apa lat tempoh dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dengan notis secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara; dan

61/58.

D/Act 330
Act 330 →

(e) apa-apa maklumat perangkaan sebagaimana yang diminta oleh Bank Negara.

Act 330

Subs. by
LMA 1145/01
Perenggan
(d)

(2) Kecuali bagi maksud-maksud ~~paragraf (d)~~ subseksyen (1), apa-apa maklumat yang diterima daripada sesuatu bank di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia antara bank itu dan Bank Negara.

(3) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi sesuatu kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada empat ribu ringgit bagi tiap-tiap hari keingkaran itu berterusan.

(4) Adalah menjadi tanggungjawab Bank Negara menyediakan dan menyiarkan penyata-penyata yang disatukan mengagregatkan angka-angka dalam penyata-penyata yang diberi di bawah paragraf (a) dan (b) subseksyen (1).

Maklumat mengenai cawangan-cawangan di negara asing.

20. Sesuatu bank Islam yang mengendalikan pejabat-pejabat cawangan atau ejensi-ejensi di luar Malaysia hendaklah memberi kepada Bank Negara apa-apa maklumat berhubungan dengan pengendalian pejabat-pejabat atau ejensi-ejensi itu sebagaimana yang diminta oleh Bank Negara.

BANK ISLAM

21

BAHAGIAN IV

PEMUNYAAN, PENGAWALAN DAN PENGURUSAN
BANK ISLAM

21. (1) Apabila sesuatu perubahan hampir akan berlaku dalam pengawalan mana-mana bank Islam, bank itu hendaklah melaporkan perubahan yang dicadangkan itu kepada Bank Negara.

Maklumat mengenai perubahan kawalan bank Islam.

(2) Apabila sesuatu pinjaman atau pendahuluan dibuat oleh mana-mana bank Islam yang agregatnya dijamin dengan dua puluh peratus atau lebih daripada syer modal yang telah dibayar bagi mana-mana bank Islam lain atau mana-mana bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 yang diperbadankan di Malaysia atau bagi mana-mana syarikat kewangan yang dilesen di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969, bank Islam hendaklah melaporkan fakta itu kepada Bank Negara.

Akta 102.

Akta 6.

(3) Laporan yang dikehendaki dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah mengandungi yang berikut—

(i) nama dan alamat peminjam-peminjam;

(ii) nama bank Islam, bank berlesen atau syarikat kewangan yang mengeluarkan syer yang dengannya pinjaman atau pendahuluan itu dicagarkan;

(iii) bilangan syer yang dengannya pinjaman atau pendahuluan itu dicagarkan; dan

(iv) amaun pinjaman atau pendahuluan.

(4) Laporan-laporan di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah menjadi tambahan kepada apa-apa laporan yang mungkin dikehendaki menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(5) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “pengawalan” berhubung dengan sesuatu bank Islam ertinya pemilikan secara langsung atau secara tak langsung kuasa untuk mengarahkan atau memastikan pengarahannya, pengurusan dan dasar bank itu.

(6) Mana-mana bank Islam yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda ~~tidak kurang~~ daripada dua puluh ribu ringgit.

tidak lebih
NA 1214/03

jabat-pejabat
di Malaysia
dan dalam
ditetapkan
oleh Bank

pas ditutup
yang me-
njaan ber-
Malaysia;

eksyen (3)
nunjukkan
anggannya
maksud-
di bawah
Negara

hi sesuatu
1 (1) ada-
lisabitkan
mpat ribu
erusan.

Negara
ata yang
penyata-
1 (b) sub-

pejabat-
Malaysia
apa mak-
pejabat-
diminta

Sanksi dikehendaki untuk membina semula, dsb., bank.

22. (1) Tiap-tiap bank Islam hendaklah memperoleh kelulusan Menteri mengenai apa-apa—

(a) perkiraan atau perjanjian yang dicadangkan—

(i) untuk menjual atau melupuskan syer-syer atau perniagaannya; atau

(ii) mengenai kuasa mengundi, pengurusan atau perkara-perkara lain,

yang akan mengakibatkan sesuatu perubahan dalam pengawalan atau pengurusan bank itu; dan

(b) skim yang dicadangkan—

(i) bagi membina semula bank itu; atau

(ii) bagi menyatukan, mencantumkan atau selainnya antara bank itu dan mana-mana perbadanan lain,

dalam mana kesemua atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan atau harta bank itu akan dipindah milik kepada suatu perbadanan lain.

(2) Menteri, atas syor Bank Negara, boleh meluluskan atau enggan membenarkan perkiraan, perjanjian atau skim yang dicadangkan itu, tetapi kelulusan Menteri itu janganlah hendaknya ditahan dengan tidak berpatutan.

ms. 22-23 ->

Hilang kelayakan pengarah-pengarah dan pekerja-pekerja bank.
Akta 125.

23. (1) Tanpa menyentuh apa-apa yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965, seseorang yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang bersangkutan-paut dengan pengurusan sesuatu bank Islam hendaklah berhenti daripada memegang jawatan—

(a) jika dia menjadi bankrap, menggantung pembayaran atau mengkompaun dengan pemiutang-pemiutangnya; atau

(b) jika dia disabitkan atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan kecurangan atau fraud.

(2) Tiada seseorang yang telah menjadi seorang pengarah bagi, atau secara langsung bersangkutan-paut dengan pengurusan, sesuatu bank Islam atau bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 yang telah digulung oleh sesuatu mahkamah boleh, tanpa kebenaran nyata daripada Menteri, bertindak atau terus bertindak sebagai seorang pengarah bagi, atau secara langsung bersangkutan-paut dengan pengurusan, sesuatu bank Islam.

Akta 102.

(3) Seseorang yang bertindak dengan melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

BAHAGIAN V

SEKATAN MENGENAI PERNIAGAAN

24. (1) Tiada sesuatu bank Islam boleh—

(a) membayar apa-apa dividen atas syer-syernya sehingga semua perbelanjaannya yang dipermodalkan (termasuk belanja permulaan, belanja penubuhan, komisen menjual syer, bayaran broker, amaun kerugian yang ditanggung dan apa-apa butiran perbelanjaan lain yang tidak berupa aset zahir) telah dihapuskan dengan sepenuhnya;

(b) memberi sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit dengan cagaran syer-syernya sendiri; atau

(c) memberi pendahuluan tak bercagar, pinjaman tak bercagar atau kemudahan kredit tak bercagar lebih daripada sepuluh ribu ringgit pada agregatnya dan belum dijelaskan pada mana-mana satu masa kepada mana-mana perbadanan yang disifatkan sebagai berkaitan dengan bank itu sebagaimana diperihalkan dalam seksyen 6 Akta Syarikat 1965, lain daripada sesuatu bank Islam, sesuatu bank berlesen di bawah Akta Bank 1973, sesuatu syarikat kewangan yang diberi lesen di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969, atau mana-mana institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Bank Negara.

Sekatan mengenai pembayaran dividen dan pemberian pendahuluan dan pinjaman.

Akta 125.

Akta 102.

Akta 6.

(2) Bagi maksud seksyen ini “pendahuluan tak bercagar”, “pinjaman tak bercagar” dan “kemudahan kredit tak bercagar” masing-masing ertinya pendahuluan, pinjaman dan kemudahan kredit yang diberi tanpa cagaran, atau, berkenaan dengan apa-apa pendahuluan, pinjaman dan kemudahan kredit yang diberi

dengan cagaran, mana-mana bahagiannya yang pada bila-bila masa lebih daripada nilai pasaran bagi aset-aset yang menjadi cagaran itu atau, jika Bank Negara berpuas hati bahawa tiada sesuatu nilai pasaran yang tertentu, nilai yang dibuat atas asas sesuatu penilaian yang diluluskan oleh Bank Negara.

Subs. AA634
Larangan mengenai pemberian pinjaman, dsb., kepada pengarah, pegawai dan pekerja.

25. (1) ~~Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah paragraf (c) subseksyen (1) seksyen 24 dan subseksyen (2) seksyen ini, tiada sesuatu bank Islam boleh memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada—~~

- (a) mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjanya atau orang-orang lain iaitu orang yang menerima saraan daripada bank Islam itu (selain daripada akauntan, peguambela dan peguamcara, arkitek, ejen estet, doktor dan mana-mana orang lain yang menerima saraan daripada bank itu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional mereka);
- (b) mana-mana firma yang mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjanya ada mempunyai kepentingan sebagai pekongsi, pengurus, ejen atau penggerenti;
- (c) mana-mana perbadanan yang mana-mana daripada pegawai atau pekerjanya adalah seorang pengarah, pengurus, ejen atau penggerenti, atau mana-mana perbadanan yang mana-mana daripada pegawai atau pekerjanya mempunyai apa-apa kepentingan material sebagaimana yang diputuskan oleh Bank Negara dalam syernya;
- (d) mana-mana perbadanan yang mana-mana daripada pengarahnya (yang bukannya seorang pengarah eksekutif, dia sebagai termasuk dalam lingkungan peruntukan-peruntukan paragraf (c) menurut subseksyen (3)) adalah seorang anggota, pengarah, pengurus, ejen atau penggerenti, atau mana-mana perbadanan yang mana-mana pengarah bank Islam itu mempunyai apa-apa kepentingan dalam syernya sama ada secara langsung atau secara tak langsung; atau

(e) mana-mana individu yang mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjanya adalah seorang penggerenti.

(2) Sesuatu bank Islam boleh memberi pinjaman kepada mana-mana pegawai atau pekerjanya sebagai mana yang diperuntukkan di bawah skim perkhidmatannya yang berkenaan dan, jika bank berpuas hati bahawa terdapatnya hal keadaan khas atau belas kasihan boleh memberi pinjaman tidak melebihi pada sesuatu masa enam bulan saraan pegawai atau pekerja itu atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh bank.

(3) Peruntukan-peruntukan paragraf (c) subseksyen (1) dan subseksyen (2) adalah juga terpakai bagi pengarah-pengarah eksekutif bank Islam.

(4) Peruntukan-peruntukan paragraf (d) subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pemberian pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit oleh sesuatu bank Islam kepada—

(a) perbadanan yang disenaraikan di bursa saham yang diakui dan yang mana pengarah bank Islam itu tidak mempunyai kepentingan material sebagaimana yang diputuskan oleh Bank Negara dalam syer perbadanan sama ada secara langsung atau secara tak langsung; dan

(b) syarikat awam yang mana pengarah bank Islam itu tidak mempunyai apa-apa kepentingan atas sifat peribadinya sebagaimana yang diputuskan oleh Bank Negara :

Dengan syarat bahawa bagi maksud-maksud subseksyen ini pengarah yang berkenaan bukanlah seorang pengarah eksekutif bank Islam itu.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pengarah", "pegawai" atau "pekerja" termasuklah suami atau isteri, ibu atau bapa atau anak seseorang pengarah, pegawai atau pekerja.

Sekatan mengenai pemberian pinjaman, pendahuluan atau kemudahan kredit di bawah seksyen 25 (4).

26. Tiada sesuatu bank Islam boleh memberi sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit di bawah pengecualian yang disebutkan dalam subseksyen (4) seksyen 25 melainkan jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi :

- (a) bahawa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu memenuhi standard-standard kelayakan-kredit yang dikehendaki dari peminjam-peminjam lain yang memohon;
- (b) bahawa terma-terma pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit tidak kurang baiknya kepada bank itu daripada yang ditawarkan kepada orang-orang lain;
- (c) bahawa pemberian pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu akan memberi manfaat yang paling baik kepada bank itu; dan
- (d) bahawa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit telah diluluskan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua pengarah lain bank itu dalam mesyuarat lembaga penuh pengarah-pengarah yang diadakan dengan sempurna dan kelulusan itu telah direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut.

Sekatan kredit kepada seorang pelanggan.

27. (1) Tiada sesuatu bank Islam boleh memberi kepada mana-mana pelanggan apa-apa kemudahan kredit atau menanggung apa-apa liabiliti lain bagi pihak pelanggan sebanyak amaun agregat yang melebihi apa-apa peratusan sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara berhubung dengan wang modal bank itu yang tidak tercatat oleh kerugian atau lain-lain.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

(a) transaksi dengan bank-bank Islam lain, dengan bank-bank berlesen di bawah Akta Bank 1973 dan dengan syarikat-syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969;

(b) apa-apa kemudahan yang diberi berkenaan dengan import ke dalam Malaysia atau eksport ke luar Malaysia atau perdagangan di dalam Malaysia berasaskan surat-surat kredit atau bil-bil pertukaran; atau

Akta 102.

Akta 6.

(c) apa-apa transaksi lain yang diluluskan oleh

*Pengawa-
lan had
kredit.

27A. (1) Seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank Islam tidaklah boleh memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh bank Islam itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Menteri dengan notis bertulis boleh mengarahkan sesuatu bank Islam supaya mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan polisi dan prosedurnya mengenai pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit, khususnya had-had kuasa seseorang pengarah, pengurus atau pekerja bank Islam itu, atau apa-apa perubahan mengenai-nya dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah mempunyai kuasa bagi mengarah sesuatu bank Islam supaya meminda prosedur yang diikuti oleh bank Islam itu dalam memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit termasuk had-had kuasa berkenaan dengan pemberian tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa peruntukan seksyen ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau denda dan penjara itu keduanya.^m

(AA634)

kepentingan di dalam sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang mungkin, selepas tarikh notis itu, diberi kepada firma atau perbadanan itu hendaklah disifatkan suatu pengisytiharan kepentingan yang cukup berhubungan dengan sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang sedemikian di-beri jika—

(a) notis itu menyatakan jenis dan takat kepen-tingannya di dalam sesuatu firma atau per- badanan tertentu;

eri sesuatu
kredit. di
subseksyen
ang berikut

tau kemu-
d-standard
dari pemin-

, pinjaman
ng baiknya
ditawarkan

pinjaman
n memberi
nk itu; dan
atau kemu-
ngan undi
a daripada
i mesyuarat
yang diada-
an itu telah
tersebut.

h memberi
kemudahan
n bagi pihak
lebihi apa-
tukan dari
erhubungan
ercacat oleh

gi—

lain, dengan
i Bank 1973
angan yang
t Kewangan

berkenaan
atau eksport
an di dalam
kredit atau

(c) apa-apa transaksi lain yang diluluskan oleh Bank Negara dari semasa ke semasa.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1) ungkapan "wang modal" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 5.

27A. . . .

28. (1) Tiap-tiap pengarah sesuatu bank Islam yang dengan apa cara jua pun, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, ada kepentingan dalam sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit atau sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang dicadangkan daripada bank Islam itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik mengisytiharkan jenis kepentingannya kepada lembaga pengarah bank Islam itu dan setiausaha bank Islam itu hendaklah memastikan supaya pengisytiharan itu diedarkan serta-merta kepada semua pengarah.

← Add. AA63
Penzahiran
kepentingan
oleh
pengarah-
pengarah.

(2) Kehendak-kehendak subseksyen (1) tidaklah terpakai dalam sesuatu hal jika kepentingan pengarah itu adalah terdiri hanya daripada menjadi seorang anggota atau pemiutang sesuatu perbadanan, yang ada kepentingan di dalam sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit atau pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang dicadangkan daripada bank Islam itu jika kepentingan pengarah itu boleh dengan sewajarnya dianggap sebagai bukan sesuatu kepentingan material.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), suatu notis am yang diberi kepada lembaga pengarah sesuatu bank Islam oleh seseorang pengarah yang bermaksud bahawa dia adalah seorang pegawai atau anggota sesuatu firma tertentu atau seorang anggota sesuatu perbadanan tertentu dan dianya hendaklah dianggap sebagai ada kepentingan di dalam sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang mungkin, selepas tarikh notis itu, diberi kepada firma atau perbadanan itu hendaklah disifatkan suatu pengisytiharan kepentingan yang cukup berhubungan dengan sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang sedemikian diberi jika—

(a) notis itu menyatakan jenis dan takat kepentingannya di dalam sesuatu firma atau perbadanan tertentu;

ri sesuatu
kredit di

in, dengan
Bank 1973
ngan yang
Kewangan

berkenaan
au eksport
di dalam
redit atau

- (b) kepentingannya tidaklah berlainan jenisnya atau lebih besar takatnya daripada jenis dan takat yang dinyatakan sedemikian dalam notis itu pada masa sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit diberi; dan
- (c) notis itu diberi pada mesyuarat pengarah-pengarah atau pengarah itu mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan supaya ia dikemukakan dan dibaca di mesyuarat pengarah-pengarah yang berikutnya selepas ia diberi.

(4) Tiap-tiap pengarah sesuatu bank Islam yang memegang sesuatu jawatan atau memiliki apa-apa harta dengan mana sama ada secara langsung atau secara tak langsung kewajipan atau kepentingan mungkin diwujudkan bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai seorang pengarah hendaklah mengisytiharkan di suatu mesyuarat pengarah-pengarah bank Islam itu fakta dan keadaan, jenis dan takat percanggahan itu.

(5) Pengisytiharan yang tersebut dalam subseksyen (4) hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama pengarah-pengarah yang diadakan—

- (a) selepas dia menjadi seorang pengarah bank Islam itu; atau
- (b) (jika sudah pun menjadi seorang pengarah) selepas dia mula memegang jawatan atau memiliki harta, mengikut mana yang dikehendaki.

(6) Setiausaha bank Islam itu hendaklah memastikan supaya dikemukakan dan dibaca apa-apa pengisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (4) di mesyuarat pengarah yang berikut selepas ianya diberi, dan hendaklah merekod apa-apa pengisytiharan yang dibuat di bawah seksyen ini dalam minit mesyuarat di mana ianya telah dibuat atau di mana ianya telah dikemukakan dan dibaca.

(7) Seseorang pengarah yang bertindak dengan melanggar subseksyen (1) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

29. (1) Sesuatu kemudahan kredit yang diberi oleh sesuatu bank Islam kepada mana-mana orang bagi maksud membiayai pembelian atau pemegangan syer-syer tidaklah boleh melebihi apa-apa peratusan nilai pasar bagi syer-syer itu pada masa kemudahan kredit itu diberi, sebagaimana yang diarahkan oleh Bank Negara secara bertulis.

Penghadan mengenai kemudahan kredit bagi maksud membiayai pembelian atau pemegangan syer.

(2) Sesuatu kemudahan kredit yang diberi di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang hendaklah diterangkan dalam suatu akaun yang berasingan daripada yang disimpan bagi apa-apa kemudahan kredit lain yang diberi kepadanya.

(3) Bank Negara boleh memberi arahan secara bertulis kepada mana-mana bank Islam berkenaan dengan hal-hal yang berikut, iaitu—

(a) asas dan cara bagi menentukan nilai pasaran syer-syer yang dipegang sebagai cagaran bagi kemudahan kredit itu;

(b) pengeluaran wang atau syer-syer oleh orang yang kepadanya kemudahan kredit itu telah diberi;

(c) penggantian syer-syer yang dipegang dengan syer-syer lain sebagai cagaran bagi lain-lain kemudahan kredit itu; dan

(d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu.

(4) Mana-mana bank Islam yang bertindak dengan melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini atau sesuatu arahan yang diberikan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

30. Sesuatu bank Islam, jika pada bila-bila masa diminta secara bertulis oleh Bank Negara untuk berbuat demikian, hendaklah memuaskan hatinya dengan pengemukaan apa-apa keterangan atau maklumat sebagaimana yang dikehendakinya bahawa bank itu tidak bertindak dengan melanggar mana-mana peruntukan seksyen 24, 25, 26, 27 dan 29.

Bukti mengenai pematuhan seksyen 24, 25, 26, 27 dan 29.

Bahagian Va...

15/11/1307

BAHAGIAN VI

KUASA PENGAWASAN DAN PENGAWALAN
KE ATAS BANK-BANK ISLAM

Penyiasatan mengenai bank-bank. 31. Bank Negara hendaklah dari semasa ke semasa menyiasat secara rahsia, buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi bagi tiap-tiap bank Islam dan bagi mana-mana cawangan, ejensi atau pejabat di luar Malaysia yang dibuka oleh sesuatu bank Islam.

Penyiasatan khas mengenai bank-bank. 32. Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan Bank Negara membuat sesuatu penyiasatan, secara rahsia, mengenai buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi sesuatu bank Islam, jika dia ada sebab bagi mempercayai bank Islam itu adalah menjalankan perniagaannya dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit-pendepositnya dan pemiutang-pemiutangnya yang lain, atau mempunyai aset-aset yang tidak mencukupi untuk meliputi liabilitinya kepada awam, atau adalah melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini atau peruntukan-peruntukan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

61/58. Mengemukakan buku-buku dan dokumen-dokumen bank. 33. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah seksyen 31 atau 32, sesuatu bank Islam hendaklah membenarkan Bank Negara akses kepada buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumennya dan hendaklah memberikan apa-apa maklumat dan kemudahan sebagaimana yang dikehendaki untuk menjalankan penyiasatan itu.

(2) Buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen tidaklah dikehendaki dikemukakan pada sesuatu masa dan di mana-mana tempat yang akan mengganggu penjalanan wajar perniagaan harian biasa bank itu.

(3) Sesuatu bank Islam yang tidak membenarkan akses kepada buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumennya atau tidak memberi maklumat dan kemudahan-kemudahan mengikut subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada empat ribu ringgit bagi tiap-tiap hari keingkaran itu berterusan.

(4) Bagi maksud sesuatu penyiataan di bawah seksyen 31 atau 32, semua pegawai dan pekerja Bank Negara hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

*N.M.B.
Bab 45.*

34. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 31 dan 32, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan Bank Negara, atau boleh memberi kuasa kepada Bank Negara, menyiayat dengan tertentu mengenai hal-ehwal mana-mana pelanggan individu sesuatu bank Islam dan apa-apa maklumat bersampingan yang berhubungan dengan hal-ehwal pelanggan individu itu yang diperolehi oleh Bank Negara dalam pemeriksaan atau penyiataan yang dibuat oleh Bank Negara di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah menjadi rahsia antara Bank Negara dan bank itu.

*Kerahsiaan
bank.*

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan apa-apa kuasa yang diberi kepada Mahkamah Tinggi atau seseorang Hakimnya oleh Akta Buku Bank (Keterangan) 1949 atau melarang pematuhan sesuatu perintah yang dibuat di bawah Akta ini.

Akta 33.

(3) Kecuali dengan kebenaran secara bertulis Bank Negara dan setakat yang dinyatakan di dalamnya, tiada seseorang pegawai sesuatu bank Islam dan tiada seseorang yang oleh kerana kedudukan atau jawatannya boleh dengan apa-apa cara jua mempunyai akses kepada rekod-rekod bank itu, daftar-daftar atau apa-apa persuratan atau bahan berkenaan dengan akaun mana-mana pelanggan individu bank itu boleh memberi, menzahirkan atau membuka apa-apa jua maklumat berkenaan dengan wang atau butir-butir lain yang berkaitan dengan akaun pelanggan itu melainkan jika—

- (a) pelanggan itu atau wakil peribadinya memberi kebenarannya untuk berbuat demikian;
- (b) pelanggan itu diisytiharkan bankrap; atau
- (c) maklumat itu dikehendaki untuk menilai kelayakan kredit pelanggan itu berkenaan dengan sesuatu transaksi perdagangan *bona fide* atau sesuatu transaksi perdagangan jangkaan.

Sub. PART 5

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi pemberian maklumat kepada juruaudit-juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 17, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja bank yang bermastautin di Malaysia.

(5) Seseorang yang bertindak dengan melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada empat puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Tindakan yang hendak diambil jika pendahuluan-pendahuluan adalah bertentangan dengan kepentingan pendeposit-pendeposit.

Akta 125.

35. (1) Tiap-tiap bank Islam hendaklah menghantar kepada Bank Negara dalam apa-apa tempoh yang ditentukan dengan notis secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara selepas hari akhir tiap-tiap satu bulan suatu kenyataan dalam bentuk yang akan ditetapkan oleh Bank Negara menunjukkan butir-butir mengenai semua pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang telah diberi olehnya kepada—

- (a) mana-mana perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan bank itu sebagaimana yang diperihalkan dalam seksyen 6 Akta Syarikat 1965;
- (b) mana-mana perbadanan atau syarikat awam yang disebutkan dalam subseksyen (4) seksyen 25; dan
- (c) mana-mana individu yang mengenainya dan sesuatu firma atau perbadanan yang di dalamnya mana-mana daripada pengarahnya ada kepentingan, secara langsung atau secara tak langsung, sebagaimana diisytiharkan di bawah peruntukan seksyen 28, lain daripada pendahuluan-pendahuluan, pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan kredit yang butir-butir mengenainya telahpun diberi menurut paragraf-paragraf yang lalu di atas.

(2) Jika dalam pemeriksaan butir-butir yang diberi oleh sesuatu bank Islam di bawah subseksyen (1) Bank Negara berpendapat bahawa sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu adalah diberi dengan memudaratkan kepentingan pendeposit-pendeposit bank itu, Bank Negara boleh dengan perintah secara bertulis melarang bank itu daripada memberi

apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit selanjutnya atau mengenakan apa-apa sekatan yang difikirkan patut oleh Bank Negara terhadap pemberiannya, dan boleh selanjutnya mengarahkan supaya bank itu mendapatkan pembayaran balik sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu dalam apa-apa tempoh dan setakat mana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Mana-mana bank Islam yang telahpun diberi sesuatu perintah oleh Bank Negara menurut seksyen ini boleh merayu secara bertulis kepada Menteri, dan Menteri boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, mengesahkan, mengubah atau membatalkan perintah Bank Negara itu.

36. Sesuatu bank Islam yang berpendapat bahawa ia mungkin tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau hampir hendak menggantung pembayaran hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank Negara akan fakta itu.

Bank-bank yang tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya hendaklah memberitahu Bank Negara.

37. (1) Jika—

(a) sesuatu bank Islam memberitahu Bank Negara—

(i) bahawa ia berpendapat bahawa ia mungkin tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya; atau

(ii) bahawa ia hampir hendak menggantung pembayaran;

(b) sesuatu bank Islam menjadi tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau menggantung pembayaran; atau

(c) selepas sesuatu penyiasatan dibuat di bawah seksyen 31 atau 32 Bank Negara berpendapat bahawa sesuatu bank Islam—

(i) adalah menjalankan amalan yang tidak sempurna atau tidak wajar;

(ii) mungkin tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau hampir hendak menggantung pembayaran;

Tindakan oleh Bank Negara jika bank tidak berupaya menjelaskan obligasi-obligasinya atau menjalankan perniagaan secara yang mudarat kepada pendeposit-pendeposit.

- (iii) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (iv) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya; atau
- (v) mungkin akan menjalankan perniagaannya secara yang memudaratkan kepentingan pendeposit-pendepositnya,

Bank Negara, dengan persetujuan Menteri, boleh menjalankan satu atau lebih daripada satu kuasa yang dinyatakan dalam subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), Bank Negara boleh—

- (a) mengeluarkan perintah-perintah kepada bank supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bank Negara untuk membetulkan perkara itu dan bank itu hendaklah menjalankan perintah-perintah itu dalam apa-apa masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara;
- (b) melarang bank itu daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit selanjutnya bagi apa-apa tempoh atau tempoh-tempoh sebagaimana yang dinyatakan dan tertakluk kepada apa-apa pengecualian, jika ada, dan syarat-syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Bank Negara;
- (c) memecat dari jawatan mana-mana daripada pengarahnya atau melantik mana-mana orang sebagai pengarahnya;
- (d) melantik seseorang untuk menasihatkan bank itu tentang perjalanan wajar perniagaannya;
- (e) mengambil alih kawalan dan menjalankan perniagaan bank itu atau melantik seseorang lain untuk mengambil alih kawalan dan menjalankan perniagaan bank itu; atau
- (f) menyampaikan sesuatu petisyen kepada Mahkamah Tinggi meminta Mahkamah itu menggulung bank itu.

(3) Jika Bank Negara telah melantik seseorang untuk—

- (a) menjadi seorang pengarah bank di bawah paragraf (c) subseksyen (2);
- (b) menasihatkan bank tentang penjalanan wajar perniagaannya di bawah paragraf (d) subseksyen (2); atau
- (c) mengambil alih kawalan dan menjalankan perniagaan bank itu di bawah paragraf (e) subseksyen (2),

Bank Negara boleh menetapkan saraan dan perbelanjaan yang akan dibayar kepada orang itu oleh bank.

38. Jika Bank Negara telah bertindak di bawah paragraf (c) subseksyen (2) seksyen 37 berkenaan dengan sesuatu bank Islam, peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah berkuatkuasa—

- (a) walau apa pun yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 dan artikel persatuan bank itu, hak-hak bagi anggota-anggota atau pemegang-pemegang syer untuk memilih pengarah-pengarah bank itu bagi menggantikan mereka yang telah dipecat dari jawatan oleh Bank Negara hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa;
- (b) seseorang pengarah yang dipecat dari jawatan di bawah paragraf itu hendaklah terhenti daripada memegang jawatan, dan tidaklah berhak menuntut apa-apa pampasan kerana kehilangan atau penamatan jawatan; dan
- (c) tiap-tiap pemecatan atau perlantikan di bawah paragraf itu adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh disoal dalam mana-mana Mahkamah.

39. (1) Jika Bank Negara telah mengambil alih kawalan, atau telah melantik seorang lain untuk mengambil alih kawalan, perniagaan sesuatu bank Islam menurut paragraf (e) subseksyen (2) seksyen 37, maka Bank Negara atau orang itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), terus mengawal bank itu dan terus menjalankan perniagaan bank itu atas nama dan bagi pihak bank itu sehingga Bank Negara berpuas

Akibat pemecatan jawatan pengarah atau perlantikan seseorang pengarah sesuatu bank oleh Bank Negara. Akta 125.

Pengawasan bank Islam oleh Bank Negara.

hati bahawa sebab-sebab yang kerananya ia mengambil alih kawalan atau telah melantik seorang lain untuk mengambil alih kawalan itu sudah tidak ada lagi.

(2) Jika Bank Negara telah mengambil alih kawalan, atau telah melantik seorang lain untuk mengambil alih kawalan, perniagaan sesuatu bank Islam menurut paragraf (e) subseksyen (2) seksyen 37, maka Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan bank itu, memerintahkan supaya Bank Negara hendaklah berhenti mengawal perniagaan bank itu mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu jika Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa tidaklah lagi perlu bagi Bank Negara meneruskan kawalannya terhadap perniagaan bank itu untuk melindungi pendeposit-pendeposit bank itu.

(3) Jika Bank Negara telah mengambil alih kawalan, atau telah melantik seorang lain untuk mengambil alih kawalan, perniagaan sesuatu bank Islam menurut paragraf (e) subseksyen (2) seksyen 37, atau telah berhenti mengawal perniagaan sesuatu bank Islam menurut seksyen ini, maka Bank Negara hendaklah memberitahu fakta itu dalam *Warta*.

Bank Islam di bawah kawalan Bank Negara hendaklah bekerjasama dengan Bank Negara.

40. (1) Jika Bank Negara telah mengambil alih kawalan, atau telah melantik seorang lain untuk mengambil alih kawalan, perniagaan sesuatu bank Islam menurut paragraf (e) subseksyen (2) seksyen 37, maka bank Islam itu hendaklah menyerahkan perniagaannya kepada kawalan Bank Negara atau kepada orang itu dan hendaklah memberi Bank Negara apa-apa kemudahan sebagaimana yang dikehendakinya untuk menjalankan perniagaan bank itu.

(2) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau mana-mana kehendak Bank Negara di bawah subseksyen itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari keingkaran itu berterusan.

41. Apa-apa sebutan dalam Bahagian ini mengenai sesuatu bank Islam hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai sesuatu subsidiari bank Islam.

Perluasan
bidang
kuasa
kepada
subsidiari-
subsidiari
bank.

42. (1) Bank Negara boleh, dengan kelulusan Menteri, jika difikirkannya berfaedah kepada kepentingan pendeposit-pendeposit sesuatu bank Islam, membuat suatu perintah melarang bank itu daripada menjalankan perniagaan bank atau daripada melakukan atau melaksanakan sesuatu perbuatan atau fungsi yang berkaitan dengan perniagaan bank atau mana-mana aspeknya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Moratorium.

(2) Bank Negara boleh, dengan kelulusan Menteri, jika difikirkannya berfaedah kepada kepentingan pendeposit-pendeposit itu, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah menahan permulaan atau penerusan mana-mana prosiding oleh atau terhadap bank itu berkenaan dengan apa-apa perniagaan bank itu. Sesuatu perintah itu adalah sah selama suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan.

(3) Selagi sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) terus berkuatkuasa lesen yang diberi kepada bank di bawah Akta ini hendaklah digantung.

(4) Jika sesuatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen (1), Bank Negara hendaklah memberitahu fakta itu dalam *Warta*.

43. (1) Tiap-tiap bank Islam hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan dalam memorandum persatuan atau artikel persatuan atau suratcara-suratcara lain yang di bawahnya ia diperbadankan, memberi kepada Bank Negara butir-butir secara bertulis mengenai pindaan atau perubahan yang dicadangkan itu untuk kelulusannya.

Pindaan
bagi per-
lembagaan
bank.

(2) Tiap-tiap bank Islam hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas dibuat apa-apa pindaan atau perubahan dalam memorandum persatuan dan artikel persatuan atau suratcara-suratcara lain yang di bawahnya ia diperbadankan, memberi kepada Menteri melalui Bank Negara butir-butir secara bertulis (diverifikasikan melalui akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pegawai kanan bank itu) mengenai pindaan atau perubahan itu.

(3) Sesuatu bank Islam yang tidak mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari keingkaran itu berterusan.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Indemniti.

44. (1) Baik Kerajaan mahupun Bank Negara atau pun mana-mana pegawai salah satu daripadanya tidak boleh tertakluk kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau permintaan oleh atau liabiliti kepada seseorang berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati menurut atau pada melaksanakan atau pelaksanaan yang dicadangkan atau berkaitan dengan pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan, apa-apa kuasa yang diberi kepada Kerajaan, Bank Negara atau pegawai itu oleh Akta ini.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini seseorang Menteri dan mana-mana pegawai awam hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Kerajaan; dan Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara dan mana-mana pengarah atau pekerjanya dan mana-mana orang yang memegang apa-apa jawatan di dalamnya atau yang dilantik oleh Bank Negara di bawah paragraf (c), (d) atau (e) subseksyen (2) seksyen 37 hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Bank Negara.

Keutamaan bagi liabiliti semasa dan liabiliti akaun simpanan.

S. 43-46

45. Jika sesuatu bank Islam tidak berupaya menjelaskan obligasinya atau mengganung pembayaran, aset-aset bank itu di Malaysia hendaklah tersedia untuk menjelaskan semua liabiliti semasa dan liabiliti akaun simpanan bank itu di Malaysia; dan liabiliti itu hendaklah mendapat keutamaan mengatasi semua liabiliti lain bank itu.

Penalti terhadap pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus.
61/58.

46. (1) Seseorang, sebagai pengarah atau pengurus bagi sesuatu bank Islam, yang—

(a) tidak mengambil semua langkah yang munasabah supaya bank itu mematuhi kehendak-kehendak Akta ini dan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 (kemudian dari ini dalam seksyen ini disebut "Ordinan itu"); atau

- (b) tidak mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan kebetulan sesuatu kenyataan yang dikemukakan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau Ordinan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

(2) Dalam sesuatu prosiding terhadap seseorang di bawah subseksyen (1) adalah menjadi suatu pembelaan untuk membuktikan bahawa dia ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seorang lain telah dipertanggungjawabkan dengan kewajipan bagi memastikan pematuhan kehendak-kehendak Akta ini atau Ordinan itu atau kewajipan bagi memastikan bahawa kenyataan-kenyataan itu adalah tepat dan bahawa orang itu adalah layak dan boleh menunaikan kewajipan itu.

(3) Seseorang tidak boleh dijatuhkan hukum penjara bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) melainkan jika pada pendapat Mahkamah, dia telah melakukan kesalahan itu dengan sengaja.

47. Seseorang pengarah, pengurus, pemegang amanah, juruaudit, pekerja atau ejen mana-mana bank Islam yang—

- (a) dengan sengaja membuat atau menyebabkan dibuat sesuatu catatan palsu dalam sesuatu buku rekod atau dalam sesuatu laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, aset atau akaun bank itu; atau
- (b) dengan sengaja meninggalkan daripada membuat sesuatu catatan dalam sesuatu buku rekod atau dalam sesuatu laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, aset atau akaun bank itu, atau dengan sengaja menyebabkan sesuatu catatan itu ditinggalkan daripada dicatatkan; atau

Kesalahan-kesalahan oleh pengarah, pekerja dan ejen.

- (c) dengan sengaja mengubah, mengeluarkan, menyembunyi atau memusnahkan sesuatu catatan dalam sesuatu buku rekod atau dalam sesuatu laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, aset atau akaun bank itu, atau dengan sengaja menyebabkan catatan itu diubah, dikeluarkan, disembunyikan atau dimusnahkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Kesalahan-kesalahan oleh syarikat-syarikat dsb., dan oleh pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejen.

48. (1) Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu perbadanan, firma, pertubuhan atau lain-lain kumpulan orang, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai seumpamanya atau berupa sebagai bertindak dalam jawatan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan semua usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dijalankan olehnya, memandangkan kepada jenis fungsinya dalam jawatan itu dan kepada semua hal keadaan.

(2) Jika seseorang boleh dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran mana-mana kerani, pengkhidmat atau ejen atau kerani atau pengkhidmat ejen itu, dengan syarat bahawa perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh kerani atau pengkhidmat itu dalam masa pekerjaannya, atau oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh kerani atau pengkhidmat ejen itu apabila bertindak dalam masa pekerjaannya dalam sesuatu hal keadaan bahawa jika perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh ejen itu, maka prinsipalnya boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen ini.

49. Seseorang pengarah, pegawai atau pekerja sesuatu bank Islam atau orang-orang lain iaitu orang-orang yang menerima saraan daripada bank Islam itu, yang meminta atau menerima, mengizinkan atau bersetuju menerima apa-apa hadiah, komisen, emolumen, perkhidmatan, ganjaran, wang, harta atau barang yang bernilai untuk faedah dan keuntungan dirinya sendiri atau untuk faedah atau keuntungan saudara-maranya, daripada mana-mana orang lain daripada bank itu, kerana mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan bagi mana-mana orang sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit dari bank itu atau pembelian atau diskaun bagi apa-apa overdraf, surat, cek, bil pertukaran atau obligasi-obligasi lain oleh bank itu, atau kerana membenarkan mana-mana orang mengeluarkan terlebih dari sesuatu akaunnya dengan bank itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Kakitangan
dilarang
menerima
komisen.

50. Sesuatu bank Islam yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada sesuatu penalti diperuntukkan dengan nyata adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit.

Penalti am.

51. (1) Gabenor Bank Negara, dengan persetujuan Menteri, boleh mengkompaun sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini dengan menerima apa-apa jumlah wang, sebagaimana yang difikirkannya patut, yang tidak melebihi amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

Kuasa
Gabenor
untuk meng-
kompaun.

(2) Apa-apa wang yang dibayar kepada Gabenor menurut peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

52. Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa persetujuan secara bertulis Pendakwa Raya.

Persetujuan
Pendakwa
Raya.

Peraturan-
peraturan.

53. (1) Bank Negara boleh dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa untuk melaksanakan tujuan-tujuan Akta ini.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk mengadakan kawalan oleh Bank Negara berkenaan dengan pemerolehan atau pemegangan oleh sesuatu bank Islam akan syer-syer sesuatu perbadanan atau pemerolehan atau pemajuan oleh bank itu akan apa-apa harta tak alih;
- (b) untuk mengadakan kawalan oleh Bank Negara berkenaan dengan sesuatu bank Islam menjadi suatu pekongsi atau tuan punya mana-mana firma dengan liabiliti tak berhad;
- (c) untuk mengadakan kawalan oleh Bank Negara berkenaan dengan pemberian apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang bagi maksud membiayai pemerolehan atau pemegangan harta tak alih, syer dan kontrak dalam kredit pengguna dan serahan hadapan komoditi;
- (d) untuk membuat peruntukan mengenai pengisytiharan oleh pengarah-pengarah bank Islam kepada lembaga pengarah bank-bank Islam itu masing-masing tentang bilangan dan perihal apa-apa syer dalam mana-mana perbadanan yang dipegang oleh mereka atau sebagai amanah bagi mereka atau yang mana mereka mempunyai apa-apa hak untuk menjadi pemegang (sama ada dengan bayaran atau tidak) atau yang di dalamnya mereka mempunyai, secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa kepentingan benefisial, dan jenis kepentingan mereka sebagai pekongsi, pengarah, pengurus atau ejen dalam mana-mana firma atau perbadanan; dan

d/naibef

(e) untuk membuat peruntukan mengenai pengisytiharan oleh pengarah-pengarah eksekutif, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja bank Islam kepada lembaga-lembaga pengarah bank Islam itu masing-masing atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan tentang jenis-jenis kepentingan berikut yang dipegang oleh atau bagi pihak mana-mana antara mereka atau mana-mana antara suami atau isteri atau anak mereka:

- (i) bilangan dan perihal apa-apa syer dalam mana-mana perbadanan yang dipegang oleh atau sebagai amanah bagi pihak mana-mana pengarah eksekutif, pegawai, pekerja, suami atau isteri atau anak itu atau yang mana dia mempunyai apa-apa hak untuk menjadi pemegang (sama ada dengan bayaran atau tidak) atau yang di dalamnya dia mempunyai, secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa kepentingan benefisial;
- (ii) jenis apa-apa kepentingan sebagai pengkongsi, pengarah, pengurus atau ejen dalam mana-mana firma atau perbadanan; dan
- (iii) semua aset lain; dan

53^a (e)
54. Tiada sesuatu bank Islam boleh menguruskan apa-apa perniagaan dengan awam pada mana-mana hari yang diisytiharkan sebagai hari kelepasan bank di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 57 (1) Akta Bank 1973. ms. 221307
Hari kelepasan bank. Akta 102.

55. Sesuatu bank Islam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu serta juga kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali bahawa jika ada apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan antara peruntukan-peruntukan Akta itu dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, maka peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai. Pemakaian undang-undang lain. Akta 125.

56. Menteri boleh, dengan syarat atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana bank Islam dari mana-mana peruntukan Akta ini. Pengecualian. Sub. 221307

BAHAGIAN VIII

PINDAAN-PINDAAN BERBANGKIT

Pindaan
bagi Akta
Bank 1973.
Akta 102.

Akta 276.

57. (1) Seksyen 2 Akta Bank 1973 adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif “bank berlesen” takrif baru yang berikut:

“bank Islam” ertinya sesuatu bank yang dilesen di bawah Akta Bank Islam 1983; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “bank berlesen yang lain” dalam takrif “lain-lain tanggungan deposit”, “tanggungan bermasa”, dan “tanggungan semasa” perkataan-perkataan “, mana-mana bank Islam”.

(2) Seksyen 9 Akta Bank 1973 adalah dipinda dengan menggantikan paragraf (b) subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(b) tiada sesuatu bank boleh kemudian dari ini diberi lesen atas suatu nama yang termasuk—

(i) mana-mana daripada perkataan-perkataan “Kebangsaan”, “Komanwel”, “Malaysia”, “Malaysia” sebagai kata sifat, “Negara”, “Negeri”, “Persekutuan”, “Persekutuan” sebagai kata sifat atau “Rizab”;

(ii) mana-mana perkataan “Islam” atau “Muslim” atau apa-apa perkataan lain yang boleh ditakrifkan sebagai bererti bahawa bank itu menguruskan perniagaan bank Islam,

sama ada dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris atau dalam apa-apa bahasa lain.”

(3) Seksyen 59 Akta Bank 1973 adalah dipinda dengan memotong perkataan “dan” pada penghujung paragraf (b) subseksyen (1), menggantikan noktah pada akhir paragraf (c) subseksyen itu dengan koma bertitik dan memasukkan selepasnya perkataan “dan”, dan memasukkan selepas sahaja paragraf itu paragraf baru (d) yang berikut:

“(d) mana-mana bank Islam.”

58. (1) Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "1973" dalam takrif "banking corporation" perkataan-perkataan "and an Islamic bank as defined in the Islamic Banking Act 1983".

Pindaan bagi Akta Syarikat 1965. Akta 125. Act 276.

(2) Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 adalah dipinda dengan menggantikan paragraf (j) subseksyen (1) dengan yang berikut:

" (j) the company has held a licence under the Banking Act 1973 or the Islamic Banking Act 1983, and that licence has been revoked or has expired and has not been renewed; or".

Act 102.

Act 276.

59. (1) Seksyen 2 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, yang disebut "Ordinan" dalam seksyen ini, adalah dipinda—

Pindaan bagi Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Act 276.

(a) dengan memasukkan sebelum sahaja koma bertitik pada penghujung takrif "bank" perkataan-perkataan "or the Islamic Banking Act 1983";

(b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "Governor" takrif baru yang berikut:

"investment account liabilities" in relation to an Islamic bank means the deposit liabilities at that bank in respect of funds placed by a depositor with that bank for a fixed period of time under an agreement to share the profits or losses of that bank on the investment of such funds;

"Islamic bank" means a bank licensed under the Islamic Banking Act 1983; dan

Act 276.

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "in relation to a bank" dalam takrif "other deposit liabilities" perkataan-perkataan "other than an Islamic bank" dan dengan memasukkan selepas sahaja koma bertitik pada penghujung takrif itu perkataan-perkataan yang berikut:

"and in relation to an Islamic bank means deposit liabilities at that bank other than savings account, investment account, sight and time liabilities and deposit liabilities from another bank or the Central Bank."

PKIT

lah dipinda—

sahaja takrif
ig berikut:

atu bank yang
k Islam 1983;";

haja perkataan-
ig lain" dalam
leposit", "tang-
ungan semasa"
ia-mana bank

dipinda dengan
(1) dengan yang

udian dari ini
ang termasuk—

perkataan-per-
"Komanwel",
bagai kata sifat,
"Persekutuan",
kata sifat atau

"Islam" atau
perkataan lain
sebagai bererti
uruskan per-

bangsaan atau
apa-apa bahasa

adalah dipinda
ada penghujung
an noktah pada
n koma bertitik
an "dan", dan
u paragraf baru

(2) Seksyen 37 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “payable to or by banks” dalam paragraf (b) subseksyen (1) perkataan-perkataan “other than Islamic banks”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “each bank” dalam paragraf (c) subseksyen (1) perkataan-perkataan “, other than an Islamic bank,” dan menggantikan noktah pada penghujung paragraf dengan koma bertitik;

(c) dengan memasukkan selepas sahaja paragraf (c) subseksyen (1) paragraf baru (d) yang berikut:

“(d) a reserve to be held by each Islamic bank at the Central Bank comprising such amounts expressed as a percentage of each bank’s sight, savings account, investment account, time and other deposit liabilities as may be approved by the Minister on the recommendation of the Board, whether denominated in Malaysian or foreign currency.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “paragraph (c)” dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “or (d)”.

(3) Seksyen 41 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “banks or groups of banks” dalam paragraf pertama dengan perkataan-perkataan “banks other than Islamic banks or groups of such banks, nor shall it discriminate among Islamic banks or groups of Islamic banks.”.

(4) Seksyen 42 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Banking Act, 1973” perkataan-perkataan “or the Islamic Banking Act 1983.”

Act 276.

(5) Seksyen 51 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “interest charge” dalam paragraf (a) subseksyen (4); dan

(b) dengan memotong perkataan “interest” dalam paragraf (b) subseksyen (4).

60. Seksyen 2 Akta Syarikat Kewangan 1969 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "untuk menjalankan perniagaan bank dalam Persekutuan" dalam takrif "bank" dengan perkataan-perkataan "di bawah Akta Bank 1973 atau sesuatu bank Islam yang dilesen di bawah Akta Bank Islam 1983".

Pindaan bagi Akta Syarikat Kewangan 1969. Akta 6. Akta 276.

da—
haja perkataan-
banks" dalam
ataan-perkataan

haja perkataan-
paragraf (c) sub-
n " other than
antikan noktah
gan koma ber-

aja paragraf (c)
yang berikut:
h Islamic bank
mprising such
percentage of
ccount, invest-
other deposit
proved by the
idation of the
ted in Malay-
dan

aja perkataan-
m subseksyen

dengan meng-
or groups of
n perkataan-
ks or groups
mong Islamic

inda dengan
an-perkataan
ian "or the

kataan "in-
subseksyen

rest" dalam